

## **Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera Tiket Ke Arah Masa Depan Negara Yang Lebih Maju Bernama 15 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Agenda Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semalam ibarat kunci kepada pembangunan dan kemajuan negara di masa depan.

Rata-rata mereka yang memperjuangkan nasib Bumiputera bersetuju bahawa jika kumpulan itu tidak menggunakan kunci tersebut, mereka akan terus ketinggalan dalam merebut kek ekonomi sekali gus merugikan negara.

Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali berkata Bumiputera seharusnya memanfaatkan peluang itu dan perlu menggunakan sepenuhnya kunci yang diberi untuk memajukan mereka selaku 'tuan tanah' kepada negara ini.

"Kerajaan telah sediakan pelbagai kemudahan, infrastruktur dan macam-macam lagi. Ini semua akan bertambah dan dilipatgandakan dalam agenda yang diumumkan perdana menteri.

"Namun saya difahamkan, ketika ini, 67 peratus ketinggalan dalam ekonomi. Bererti tidak ada makna kita capai kemerdekaan selama ini kalau situasi ini akan berterusan," katanya kepada Bernama.

Lima pemeriksaan yang diumumkan Najib ialah mendayakan modal insan Bumiputera, memantapkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat, memperkukuhkan pemilikan aset bukan kewangan Bumiputera, memperhebat keusahawanan dan perniagaan Bumiputera dan memantapkan ekosistem penyampaian perkhidmatan.

Jelas Ibrahim, rata-rata Bumiputera teruja mendengar pengumuman itu dan ia perlu dijayakan sesuai dengan tarafnya sebagai agenda nasional.

"Sebagai agenda nasional, ia perlu terus maju ke depan dan harus merentasi segala rintangan untuk kestabilan dan keamanan negara," katanya.

Bagi menjayakan agenda berkenaan, Perkasa akan bertindak sebagai pemantau seperti pencapaian Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam menetapkan sasaran penyertaan bumiputera sebagai indeks pencapaian utama (KPI).

"Mana-mana CEO yang gagal memenuhi agenda tersebut, mereka layak dipecat atau wajar diganti. Perkasa akan jadi whistleblower (pemberi maklumat)," katanya.

Sementara itu, Pengasas Yayasan Premis Niaga Bumiputera Datuk Mohd Radzi Abd Latif berkata inisiatif penambahan pemilikan premis niaga, industri dan rumah untuk bumiputera perlu dirancang, dilaksanakan dan dipantau secara menyeluruh.

Beliau berkata ini merangkumi seluruh rangkaian membabitkan aspek pemilikan, pembangunan, kontrak, bekalan, khidmat profesional, pembiayaan, pengurusan dan penyelenggaraan.

"Yayasan bersedia menyumbang sumber kepakaran yang ada untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi menjayakan agenda tersebut. Ke arah itu, jawatankuasa khas Pemilikan

Hartanah Bumiputera sewajarnya diwujudkan dan dianggotai mereka yang terlibat dalam pembangunan hartanah," katanya.

Beliau berkata ini bagi melakar strategi dan mengutamakan aspirasi ke arah agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera.

Dalam pada itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) Mohamed Maliki Mohamed Rapiee berkata Program Latihan Peningkatan Kemahiran yang diumumkan Najib mampu meningkatkan keupayaan sumber manusia dan membantu rakyat mencapai pendapatan tinggi.

"Tindakan (Agenda) yang kritikal khususnya aspek kemahiran tenaga kerja rakyat penting. Tindakan ini selaras dengan keperluan kita untuk meningkatkan kemahiran kerjaya kerana 70 peratus tenaga kerja kita tidak mahir," katanya.

Beliau menyentuh usaha kerajaan untuk memperbanyakkan program itu untuk golongan remaja yang rendah pencapaian akademik dan tahap kemahiran.

Mohamed Maliki berkata program itu juga dapat mengekalkan daya saing negara dalam ekonomi sekali gus menepati kehendak industri dan tenaga kerja.

Kerajaan turut akan mempergiatkan Skim Latihan 1Malaysia, Program Kebolehpasaran Graduan dan Program Peneraju Skil untuk bantu siswazah bumiputera menganggur.

Mengulas mengenai langkah itu, Mohamed Maliki berkata usaha itu penting bagi membantu siswazah mendapatkan pekerjaan dan bebas daripada belenggu hutang pinjaman pelajaran.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977889>